

Maal Hijrah erat

BH - 7 APR 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Sambutan Maal Hijrah di seluruh negara disambut penuh bermakna dan kesedaran di kalangan umat Islam pelbagai peringkat usia.

Malah, kebanyakan Raja-Raja Melayu dalam titah ucapan sempena sambutan di peringkat negeri masing-masing, menekankan perlunya umat Islam mengelak permusuhan, perpecahan dan perbalahan antara mereka.

Di KUALA LUMPUR, sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil, dekat sini dihadiri Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Turut hadir, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Di KUANTAN, Sultan Pahang mengajak umat Islam supaya sedar dan menginsafi penyakit perpecahan, permusuhan dan perbalahan yang boleh mengakibatkan umat Islam semakin lemah dan tidak berdaya menghadapi pelbagai helah dan taktik pihak yang tidak sukakan Islam.

Baginda bertitah, perangkaan penduduk Islam yang dikeluarkan Yayasan Kependudukan Bangsa-Bangsa Bersatu, pada tahun 2000, menunjukkan bilangan penduduk Islam dianggarkan satu perempat daripada penduduk dunia.

Baginda bertitah, pertambahan jumlah masyarakat Islam itu, membimbangkan Barat kerana pengaruh Islam mampu menggugat kedudukannya dari segi sosiologi, selain jumlah penduduk yang ramai mempunyai implikasi memudahkan penyebaran dan pengaruh Islam.

“Bagaimanapun, penyakit perpecahan, permusuhan dan perbalahan sesama sendiri itu menyebabkan kita menjadi semakin lemah dan tidak berdaya untuk menghadapi me-

reka yang tidak sukakan Islam.

“Oleh itu, berdasarkan senario yang berlaku di sekitar kita, sudah tiba masanya umat Islam mengenal pasti punca dan masalah yang dihadapi umat Islam pada masa ini.

“Apabila kita dapat mengetahui puncanya, kita perlu mencari pelbagai alternatif untuk mencari penyelesaian, selain meningkatkan keyakinan bagi menghadapi alaf 21 atau tahun baru Hijrah 1421,” titah baginda.

Baginda bertitah di Majlis Sambutan Maal Hijrah peringkat negeri Pahang di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, di Jalan Telok Sisek, di sini, hari ini. Teks ucapannya dibacakan Tengku Muda Pahang.

Sambutan itu dihadiri lebih 1,000 umat Islam, termasuk Tengku Muda Pahang, yang mewakili Sultan Pahang.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan isteri Datin Seri Junaini Kassim, Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak dan isteri, Datin Noorihan Mohamad, Kerabat Diraja, Exco Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan.

Di JOHOR BAHRU, kira-kira 1,000 umat Islam menghadiri sambutan itu yang disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Turut hadir, isteri Menteri Besar, Prof Datin Dr Jamilah Ariffin; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Zainalabidin Mohamed Zain; Ahli Mesyuarat Kerajaan (Exco) negeri dan Mufti negeri, Datuk Nooh Gadot.

Majlis itu turut diserikan dengan ceramah agama oleh Dekan Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Yusoff Hussein.

Di KOTA BHARU, Sultan Kelantan yakin perpaduan di kalangan umat Islam dapat dicapai jika semua pihak terbabit benar-benar jujur dan lebih mementingkan Islam dan umatnya daripada

perpaduan

da kepentingan lain.

Baginda bertitah, selagi kepentingan lain tidak diketepikan, maka selama itulah usaha penyatuan umat Islam akan menemui kegagalan.

Baginda yakin, perpaduan boleh dicapai jika semua pihak mempunyai sikap jujur, berdisiplin dan berusaha bersungguh-sungguh ke arah itu.

Di **KUALA TERENGGANU**, Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah umat Islam di negeri itu menghindarkan kepentingan peribadi sempit dan mengutamakan agama dan perpaduan ummah.

Baginda mahu rakyat negeri itu mengambil pengajaran daripada peristiwa serta tragedi negeri yang banyak menimpa umat Islam di kebanyakan negara di dunia

hari ini.

“Umat Islam sudah banyak menanggung penghinaan akibat kesilapan dan kealpaan diri sendiri,” titahnya pada majlis sambutan Maal Hijrah peringkat negeri di Wisma Darul Iman, di sini.

Di **ALOR STAR**, Sultan Kedah bertitah, laungan perpaduan ummah di kalangan masyarakat Islam mesti ikhlas supaya umat itu menjadi masyarakat yang kuat dan lasak dalam menghadapi cabaran alaf ini

“Sempena tahun baru Islam ini, marilah kita bertekad membina satu masyarakat yang bersatu padu berasaskan ilmu dan pemikiran yang berteraskan Islamiah,” katanya.

Baginda bertitah ketika merasmikan sambutan Maal Hijrah peringkat negeri di sini, hari ini. Kira-kira 1,000

pemimpin masyarakat Islam seluruh negeri hadir pada majlis itu.

Hadir sama ialah Sultanah Kedah, Raja Muda, Raja Puan Muda dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Di **KANGAR**, Raja Perlis sedih dengan perpecahan di kalangan masyarakat Melayu dan umat Islam, kebelakangan ini.

Baginda bimbang jika keadaan itu dibiarkan berterusan bukan sahaja boleh melumpuh terus kekuatan umat Islam, malah menjejaskan imej agama Islam sendiri.

Di **IPOH**, Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah berkata, umat Islam perlu berusaha meningkatkan pencapaian mereka dalam pelbagai bidang ilmu bagi membolehkan mereka bersaing

dengan masyarakat yang jauh lebih maju.

“Kekayaan yang dimiliki tidak dapat membantu umat dan negara Islam yang kaya itu menjadi negara yang berwibawa dan mempunyai pengaruh politik dan ekonomi terhadap agenda politik dunia,” titahnya di majlis sambutan Maal Hijrah peringkat negeri yang dihadiri lebih 3,000 umat Islam, di sini.

Di **MELAKA**, sambutan Maal Hijrah 1421 peringkat negeri dimulakan dengan bacaan doa akhir dan awal tahun di Masjid Al Azim, Bukit Palah di sini, malam tadi.

Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin dan Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam menghadiri majlis itu yang kemudiannya diikuti dengan penyampaian anugerah to-

koh Maal Hijrah di Auditorium Al-Azim selepas solat Isyak.

Sambutan peringkat negeri turut diserikan dengan pameran dari Jabatan Agama Islam Melaka (Jaim) dan Pusat Zakat Melaka (PZM) di perkarangan masjid yang berlangsung sehingga 11 April ini.

Di **GEORGETOWN**, hampir 5,000 umat Islam membanjiri Padang Bandaran Butterworth untuk meraikan majlis perarakan dan perhimpunan sempena sambutan Maal Hijrah.

Perarakan sejauh tiga kilometer itu diketuai Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya bersama kontinjen yang mewakili agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan dan khariah di seluruh negeri.